

SKEMA PERCUBAAN SET 2

| | | | | |
|---|---|-----|--|-------------|
| 1 | a | i | Maksud sunnatullah ialah -Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut | 1X2m= 2m |
| | | ii | Dua konsep sunnatullah ialah: -Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT -Sunnatullah merangkumi semua makhluk -Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabbab dan akibat. Contoh kejadian awan | 2X1m= 2m |
| | | iii | Kesan memahami sunnatullah ialah -meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang maha bijaksana -merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan -menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap prinsip positif dalam setiap keadaan -mengkaji dan menyelidik kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam -membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan. | 1X2m= 2m |
| | | iv | Dua pengajaran ayat ialah: -kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan -kita hendaklah mengkaji dan menyelidik sejarah umat terdahulu agar menjadi pedoman dalam kehidupan -kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa Ketika menerima ujian dalam kehidupan. -kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi supaya dapat mengetahui dan menyelidik sunnatullah -kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman dan betaqwa -kita hendaklah menjaga keimanan agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT | 2X2m= 4m |
| | b | i | Maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid ialah -pemuda yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan. | 1X2m= 2m |
| | | ii | Dua contoh perbuatan mencintai masjid ialah -menunaikan solat fardhu secara berjemaah -menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah (Apa-apa jawapan munasabah diterima) | 2X1m= 2m |
| | | iii | Cara mengimarahkan masjid ialah | 1X4m= |

| | | | | |
|---|---|-----|---|---|
| | | | <p>cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -solat berjemaah di masjid -menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid -mengajak rakan-rakan datang ke masjid <p>(Apa-apa isi munasabah diterima)</p> | <p>4m</p> <p>Isi=1m H=1m HL=1m K=1m</p> |
| | c | | <p>Hukum qalqalah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> -qalqalah sughra iaitu huruf qalqalah yang berbaris sukun pada pertengahan kalimah atau pada hujung kalimah ketika bacaan secara wasal. -qalqalah kubra iaitu qalqalah yang berbaris sukun atau sukun yang mendatang berada pada hujung kalimah ketika bacaan secara waqaf. -qalqalah akbar iaitu huruf qalqalah yang berbaris syaddah pada hujung kalimah ketika bacaan secara waqaf. | |
| 2 | a | i | <p>Maksud Allah bersifat ar-Raqib ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT maha mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk | <p>1X2m= 2m</p> |
| | | ii | <p>Dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -Allah SWT mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya. -Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia | <p>2X2m= 4m</p> |
| | | iii | <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -yakin Allah maha mengawasi setiap perlakuan hambaNya -sentiasa berwaspada dalam setiap perbuatan kerana yakin Allah maha mengawasi -Sentiasa melakukan kebaikan kerana yakin dengan sifat ar-Raqib <p>(apa-apa isi munasabah diterima)</p> | <p>1X4m= 4m</p> <p>Isi=1m H=1m HL=1m K=1m</p> |
| | b | i | <p>Dua cara iman seseorang boleh terbatal ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - melalui iktikad - melalui perkataan - melalui perbuatan | <p>2X1m= 2m</p> |
| | | ii | <p>Dua contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja -meletakkan peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya. -melakukan upacara ibadat agama lain -mengubah mashaf al-Quran atau meletakkan ayat suci di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina dan merendah-rendahkan. | <p>2X2m= 4m</p> |
| | | iii | <p>Dua cara menjauhi daripada perbuatan yang membatalkan iman ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur | <p>2X2m= 4m</p> |

| | | | | |
|---|---|-----|--|--|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> -bersahabat dengan orang soleh agar dapat membimbing diri ke arah kebaikan -melakukan amal soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasulNya -memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah -berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam -sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa dan kesalahan yang dilakukan. | |
| 3 | a | i | <p>Maksud perkahwinan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak. | 1X2m= 2m |
| | | ii | <p>Dua syarat bagi setiap rukun nikah berikut ialah:</p> <p>a) saksi</p> <ul style="list-style-type: none"> -Islam, lelaki, baligh, berakal, adil, pendengar yang baik, penglihatan yang baik, merdeka. <p>b) wali</p> <ul style="list-style-type: none"> -Islam, lelaki, baligh, adil (tidak melakukan dosa besar atau dosa kecil secara berterusan), merdeka (bukan dalam ihram haji atau umrah), tidak dipaksa mewalikan, tiada penyakit yang mencacatkan pemikiran seperti nyanyuk atau gila, mampu memelihara dan menguruskan hartanya. | 4X1m= 4m |
| | | iii | <p>Hukum dan alasan bagi situasi berikut:</p> <p>a) bakal suami tiada dalam majlis akad nikah kerana melanjutkan pelajaran di luar negara</p> <ul style="list-style-type: none"> -sah akad nikah dengan mewakilkan kepada orang lain <p>b)Seorang saksi yang pekak dan bisu menjadi saksi perkahwinan Azura</p> <ul style="list-style-type: none"> -tidak sah kerana syarat saksi mesti pendengaran dan penglihatan yang baik. | 2X2m= 4m |
| | b | i | <p>Maksud solat dhuha ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari. | 1X2m= 2m |
| | | ii | <p>Dua hikmah solat dhuha ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> -mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi meraih kasih sayang daripada Allah SWT -membuktikan ketaatan kepada Allah SWT pada setiap masa | 2X2m= 4m |
| | | iii | <p>KBAT: Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -mengamalkan solat sunat dhuha secara istiqamah -memanfaatkan masa dengan amal ibadat seperti solat dhuha <p>(mana-mana isi munasabah diterima)</p> | 1X4m= 4m Isi=1m H=1m HL=1m K=1m |
| | | | | |
| | | | | |

| | | | | |
|---|---|-----|--|---------------|
| 4 | a | i | Pusat pemerintahan pertama Kerajaan Uthmaniyah: - Sogut | 1 x 1m= 1m |
| | | ii | Dua khalifah Kerajaan Uthmaniyah yang terkenal selain Sultan Muhammad al-Fateh: - Uthman bin Ertughrul - Murad I bin Urkhan - Sulaiman al-Qanuni bin Salim | 2 x 1m= 2m |
| | | iii | Tiga sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh: - Membuka Kota Constantinople pada tahun 857H. - Menyatukan Empayar di Utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary. - Mewakafkan Aya Sofia sebagai masjid dan membina Kompleks al-Fateh. | 3 x 1m= 3m |
| | | iv | KBAT: Cadangan Isi- - Mendalami ilmu pengetahuan seperti ilmu fardhu ain dan kifayah dengan sebaik-baiknya. - Membuat penyelidikan tentang pembangunan dan kemajuan yang setanding negara-negara luar - | 2 x 2m= 4m |
| | b | i | Riwayat hidup Imam Malik: - Nama penuh: Malik bin Anas al-Madani - Lahir pada 93H di Madinah - Wafat pada 179H - Gelaran Abu Abdullah - Keperibadian: Mencintai Rasulullah SAW, menghormati dan mencintai ilmu, Memuliakan majlis pengajian hadis dan sanggup berkorban harta. | 2 x 1m= 2m |
| | | ii | Dua sumbangan Imam Malik : - Hasil karya : Kitab al-Muwatta' - Mengasaskan mazhab Maliki - Murid beliau Imam As-Syafie, Abdullah bin Abdul Hakam & Abdul Rahman bin Kassim | 2 x 1m= 2m |
| | | iii | Bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu: - Sanggup dipukul dan disiksa penjara semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun kerana tegas dan berpendirian mempertahankan pendapat tentang Alquran bukan makhluk. | 1 x 2m= 2m |
| | | iv | Dua iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan tokoh empat mazhab: - Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu. - Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni. - Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah. | 2 x 2m= 4m |

| | | | | |
|--|---|-----|---|---------------|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat. | |
| | | | | |
| | b | i | <p>Maksud orang yang kurang upaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya. | 1 x 2m= 2m |
| | | | | |
| | | ii | <p>Dua adab terhadap orang yang kurang upaya dari aspek ibadat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa. - Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai ibadat. | 2 x 1m= 2m |
| | | | | |
| | | iii | <p>Dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya. - memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat - Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna. | 2 x 1m= 2m |
| | | | | |
| | | iv | <p>KBAT: Cadangan isi-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pihak berkuasa perlu menggiatkan usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kewujudan golongan kurang upaya dalam kehidupan kita. - Setiap ahli masyarakat perlu peka dan prihatin dengan permasalahan dan kekurangan kemampuan golongan mereka. | 4 x 1m= 4m |
| | | | | |
| | b | i | <p>Maksud tawadhuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia. | 1 x 2m= 2m |
| | | | | |
| | | ii | <p>Dua contoh sifat tawadhuk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Baginda sangat menghormati dan menyayangi kanak-kanak. Sentiasa lemah lembut dan menunjukkan kasih kepada mereka. - Baginda bersama-sama membantu isteri melayani keluarga dan menguruskan rumah tangga. - Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan kepada Baginda. | 2 x 2m= 4m |
| | | | | |
| | | iii | <p>Dua hikmah mengamalkan sikap tawadhuk dalam kehidupan seharian:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah. - Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong. | 2 x 2m= 4m |

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <ul style="list-style-type: none">- Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain.- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur. | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |